

Perhimpunan khas persaraan Mahathir

UM 2 1 JUN 2003

KUALA LUMPUR 20 Jun — UMNO akan mengadakan satu perhimpunan khas sempena persaraan Presiden-nya, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bagi mengenang jasa beliau terhadap parti dan negara.

Setiausaha Agung UMNO, Tan Sri Khalil Yakob berkata, keputusan untuk mengadakan perhimpunan khas tersebut bagaimanapun akan bergantung kepada perbincangan dengan semua ahli Majlis Tertinggi parti itu selepas berakhimya Perhimpunan Agung UMNO ke-54 esok.

Menurut Khalil, perhimpunan tersebut perlu bagi meraikan pemimpin yang sangat berjasa terse-

but serta selaras dengan tradisi UMNO yang mengadakan majlis penghargaan tertentu sempena pengunduran seseorang Presiden.

“Saya tidak dapat memutuskan bila majlis itu akan diadakan kerana ia perlu dibincangkan terlebih dahulu dengan semua ahli Majlis Tertinggi selepas perhimpunan ini.

Menghargai

“Semuanya akan dibincangkan dengan teliti. Jadi saya tidak dapat jelaskan bentuk dan bila perhimpunan itu. Tapi ia perlu sebagai mengenang dan menghargai jasa beliau yang sangat besar,” kata.

Beliau berkata demikian kepada *Utusan Malaysia* di Pusat Dagangan

Dunia Putra (PWTC) sempena Perhimpunan Agung Tahunan UMNO ke-54 hari ini.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata ucapan-ucapan perbincangan oleh pengerusi-pengerusi perhubungan UMNO negeri pada perhimpunan agung itu berjaya mencapai matlamat.

Katanya, usul-usul yang dikemukakan itu bertepatan dengan objektif utama perhimpunan untuk memberi penghargaan tertinggi kepada Dr. Mahathir.

“Pada perhimpunan kali ini semua pengerusi perhubungan UMNO negeri berucap selari dengan ucapan Presiden yang menggambarkan itu adalah ucapannya yang terakhir. Maka ini memerlukan

sambutan yang tertinggi dan penuh penghargaan.

“Keseluruhannya ucapan dan perbincangan ini tetap berkisar pada UMNO, kepimpinannya, kepentingannya dan pengganti kepada presiden. Tapi unsur utama adalah penghargaan terhadap Presiden parti,” tambahnya.

Sehubungan itu, beliau yakin format baru dalam membahas ucapan dasar Presiden oleh pengerusi-pengerusi perhubungan UMNO negeri berjaya mencapai objektif perhimpunan.

Namun, Khalil berkata, keputusan untuk mengemukakan atau tidak format tersebut pada perhimpunan agung tahun akan dibincangkan oleh Majlis Tertinggi parti itu.